

PELAKSANAAN AMALAN TERBAIK PENGAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH

(The Implementation of Best Teaching Practices of Malay Language Among Primary School Teachers)

NOR HADIBAH HUSHAINI

Sekolah Rendah Islam Al-Ihsaniah
Kedah

antldiba@gmail.com

ZULKIFLI OSMAN*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

zulkifli@fbk.upsi.edu.my

ANIDA SARUDIN

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

anida@fbk.upsi.edu.my

Dihantar pada:

20 Disember 2019

Diterima pada:

18 Februari 2020

Koresponden:

zulkifli@fbk.upsi.edu.my

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap pelaksanaan Amalan Terbaik Pengajaran (ATP) Bahasa Melayu di bilik darjah dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah. Kajian ini disandarkan kepada ATP berpusatkan murid yang dicadangkan oleh Zemelman (2012). Kajian ini penting kerana pelaksanaan ATP selaras dengan kehendak *Dokumen Standard Kurikulum Sekolah Rendah* (2010). Namun, kajian-kajian lalu mendapati amalan terbaik pengajaran masih kurang diamalkan oleh guru-guru Bahasa Melayu di bilik darjah. Soal selidik digunakan bagi melihat tahap pelaksanaan ATP Bahasa Melayu dalam kalangan guru. 80 guru Bahasa Melayu yang dipilih melalui teknik pensampelan rawak berstrata berkadar dilibatkan dalam kajian ini. Ujian statistik deskriptif digunakan bagi menganalisis data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ATP yang diamalkan guru berada pada tahap tafsiran min tinggi. Secara keseluruhannya, berdasarkan keempat-empat prinsip ATP, iaitu pengajaran berasaskan pengalaman murid, holistik, autentik dan pengajaran berasaskan cabaran, prinsip pengajaran berasaskan pengalaman murid dan holistik paling tinggi diamalkan, iaitu pada skor min 3.28. Implikasi kajian mendapati bahawa ATP dapat meningkatkan kualiti dan memberi impak terhadap proses pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Kata Kunci: Amalan terbaik pengajaran; pengajaran berpusatkan murid; tahap pelaksanaan amalan; pengajaran Bahasa Melayu

Abstract: This study was carried out to explore the level of the implementation of a best teaching practice called Best Teaching Practices (BTP) of Malay Language in the classroom among primary school Malay Language teachers. This study focused on the student-centered teaching approach proposed by Zemelman (2012). This study is important because the implementation of ATP is in line with the Primary School Curriculum Standard Document (*Dokumen Standard Kurikulum Sekolah Rendah*) (2010). Previous studies, however, found that such best teaching practice has not been fully practiced by Malay Language teachers in the classroom. As such, a survey was carried out to examine the level of the implementation of ATP among such teachers. Eighty (80) Malay Language teachers were selected through a stratified random sampling technique in this study. A descriptive statistical test was used to analyze the data. Research findings showed that the level of implementation of ATP among the teachers was moderately high. Amongst the four ATP principles, teaching based on student's experiences and holistic teaching were extensively practiced, as evidenced by their mean score of 3.28. In summation, the findings suggest that ATP can be used to improve the teaching and learning process of Malay Language at primary schools.

Keywords: Best teaching practice, student-centered learning, level of implementation, Malay Language teaching.

PENGENALAN

Amalan Terbaik Pengajaran (ATP) merupakan satu piawai bagi mengukur amalan terbaik dalam satu-satu proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di bilik darjah. Dalam hal ini, Zemelman (2012) menggariskan bahawa ATP ialah satu proses pengajaran yang terbaik yang dilaksanakan oleh guru dengan mengambil kira tiga prinsip utama, iaitu pengajaran berpusatkan murid, kognitif dan sosial. Dalam kajian ini, pengkaji meninjau tahap ATP Bahasa Melayu khususnya dari aspek berpusatkan murid. Konsep ini melibatkan peranan guru sebagai penyerlah profesion yang dapat mampu mengorganisasikan pendidikan terbaik kepada murid. Untuk mencapai fungsi tersebut, tahap kemahiran tertentu dan suatu pengalaman pengetahuan sistematik berasaskan teori yang dipegang oleh seseorang individu diperlukan. Oleh itu, prinsip ATP dapat memenuhi fungsi sosial dalam bidang pendidikan secara holistik dengan tidak mengesampingkan elemen-elemen kemahiran dan gagasan pendidikan sebagai teras pengajaran. Dalam erti kata lain, guru perlu memiliki anjakan paradigma yang dapat menonjolkan kewibawaan profesion dan sekali gus bertindak sebagai pemudah cara terbaik sebagai menerusi teori, prinsip dan amali

Profesion keguruan merupakan profesion yang tertua di dunia dan kini memasuki satu lagi era baharu. Peranan guru pada masa dahulu hanya tertumpu sebagai penyampai ilmu. Berbanding sistem pemudah pendidikan kini, guru lebih banyak berperanan sebagai pemudah cara pengetahuan yang seharusnya lebih bersedia dan peka dalam melahirkan dan menggunakan situasi-situasi pembelajaran secara cekap dan berkesan. Selaras dengan perubahan peranan pendidik, guru harus lebih inovatif, kreatif dan efektif dalam penyampaiannya serta sentiasa memikirkan pendekatan baharu untuk mengadaptasikan amalan mereka dengan kehendak pelajar sebagai *knowledge worker* dalam era revolusi maklumat abad ke-21.

Standard Guru Malaysia (SGM) (KPM 2009) turut menggariskan bahawa beberapa prinsip dan ciri amalan guru yang cemerlang. Antaranya ialah guru perlu mempunyai tahap amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, PdP yang tinggi bagi membolehkan

mereka berfungsi sebagai guru professional dengan berkesan.

PENYATAAN MASALAH

ATP bermaksud satu set piawaian terbaik dalam proses PdP yang memberi manfaat terbaik kepada murid dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan keterampilan. Set piawaian ini mestilah mengikut peredaran semasa dan terkini mengikut kehendak kurikulum semasa (Zemelman, 2012). Kurikulum Standard Sekolah Rendah melalui Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu (KPM 2010) juga menyatakan bahawa amalan terbaik dalam pengajaran yang diamalkan oleh guru akan menjadi pemangkin kepada murid untuk memahami akal budi, pemikiran dan sosiobudaya murid ke arah melahirkan semangat cintakan bahasa dalam satu wawasan demi memartabatkan sistem pendidikan di Malaysia. Dalam konteks kajian ini, ATP ialah amalan pengajaran bahasa yang terbaik yang disandarkan kepada piawaian pengajaran berpusatkan murid, yang merangkumi empat elemen, iaitu pengajaran berasaskan pengalaman murid, pengajaran yang holistik, pengajaran yang autentik dan pengajaran berasaskan cabaran.

Tidak dapat dinafikan, ATP dapat meningkatkan pencapaian murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian-kajian lalu (Zulkifli 2013; Abdul Rasid 2013; Juriah 2010) mendapati ATP Bahasa Melayu dapat meningkatkan kualiti pengajaran bahasa. Namun, amalan ini masih kurang diamal dan dilaksanakan oleh guru-guru Bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Abdul Rasid (2011), dalam kajiannya menyatakan bahawa terdapat guru yang menggunakan set peraturan yang autokratik dan tegas ketika mengajar bahasa di bilik darjah seperti memaksa, mengherdik, meninggikan suara ataupun menggunakan bahasa yang kasar. Malah, kajian Khoo Yin Yin (2008) juga mendapati bahawa pengajaran berpusatkan guru tidak menyumbang kepada pembangunan pemikiran kritis. Kajian Layang dan Jamaludin (2018) juga mendapati guru bermasalah dalam mengamalkan pengajaran yang berkesan dalam pengajaran literasi bahasa.

Kajian ini juga wajar dilaksanakan kerana kajian kebanyakan kajian dalam bidang ini lebih tertumpu di sekolah menengah (Shahril @ Charil,

2014 dan Rozita Radhiah dan Abdul Rasid, 2011, 2012) dan berpusatkan guru (Wan Nurzuliana, 2019). Menurut Abdullah dan Ainon (2008) keberkesanan sesuatu pengajaran amat bergantung kepada kualiti seseorang guru. Guru yang komited dan beriltizam akan menjamin kebekersanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Selain itu, pembelajaran berpusat murid juga, khususnya melalui pembelajaran autentik yang menekankan pengalaman murid sebagai perantara pembelajaran yang utama, dapat meningkatkan minat dan keupayaan murid menguasai kecekapan berbahasa (Zulkifli, 2019a; Zulkifli, 2019b). Oleh yang demikian, satu kajian diperlukan untuk mengenal pasti sejauh manakah guru-guru mengamalkan amalan terbaik pengajaran. Diharap dengan adanya kajian ini juga dapat menjadi panduan kepada guru dalam mengamalkan amalan terbaik pengajaran khususnya untuk mata pelajaran Bahasa Melayu.


OBJEKTIF

Secara khusus objektif kajian ini ialah untuk:

1. Mengetahui tahap pelaksanaan ATP guru di bilik darjah secara keseluruhan.
2. Mengetahui tahap pelaksanaan ATP berpusatkan murid oleh guru-guru Bahasa Melayu di bilik darjah melalui pengajaran berdasarkan pengalaman, holistik, autentik dan yang mencabar.

KERANGKA TEORITIKAL

Kerangka teori kajian ini adalah didasarkan daripada model *input-output* kajian keberkesanan pengajaran yang dijalankan oleh Shahril (2005). Bagi kajian ini, *input* adalah berdasarkan Model ATP Zemelman (2012) yang menyatakan bahawa amalan terbaik pengajaran berpusatkan murid di bilik darjah dipengaruhi oleh empat faktor, iaitu pengajaran berasaskan pengalaman murid, pengajaran yang holistik, pengajaran yang autentik dan pengajaran berasaskan cabaran. Proses ialah aplikasi amalan terbaik pengajaran berpusatkan murid di bilik darjah. *Output* pula adalah peningkatan kualiti Amalan Terbaik Pengajaran (ATP) guru sebagai pemboleh ubah bersandar seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



RAJAH 1. Kerangka teoritikal kajian

METODOLOGI

Kajian tinjauan ini dijalankan di sekolah-sekolah rendah di Daerah Larut, Matang, dan Selama, Perak yang melibatkan 20 buah sekolah rendah. Fraenkel dan Wallen (2006), populasi sasaran atau populasi sebenar sukar diperolehi. Namun, dalam kajian ini, bagi memastikan generalisasi dapat dilakukan setepat mungkin, populasi capaian digunakan. Populasi capaian dalam kajian ini melibatkan Guru-guru Bahasa Melayu di 20 buah sekolah kebangsaan Daerah Larut, Matang dan Selama. Daripada populasi capaian tersebut, 80 orang guru Bahasa Melayu terlibat sebagai sampel kajian.

Kajian ini menggunakan teknik pensampelan rawak berstrata berkadar bagi mengatasi masalah pemilihan sampel yang berbeza bilangan dan ciri. Menurut Creswell (2005), teknik pensampelan rawak berstrata berkadar merupakan teknik yang sesuai jika populasi tidak menunjukkan ketidakseimbangan ciri-ciri bagi suatu sampel. Kajian ini dijalankan di Daerah Larut, Matang, dan Selama, Perak, mempunyai 103 buah sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan, setiap satunya mempunyai bilangan guru bahasa Melayu yang berbeza.

Pengkaji juga memilih sampel yang sama banyak, iaitu 4 orang guru bagi setiap sekolah yang berbeza bilangan guru. Bagi mengelakkan berlakunya bias pensampelan, pengkaji telah

menetapkan prosedur, masa pentadbiran dan cara kutipan data bagi melancarkan pentadbiran soal selidik.

Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul maklumat kajian. Instrumen tersebut terdiri daripada dua bahagian. Bahagian A: Maklumat latar belakang guru dan Bahagian B: Soal selidik Amalan Terbaik Pengajaran (ATP) berpusatkan murid subjek Bahasa Melayu sekolah rendah. Soal selidik ATP dibina berdasarkan Soal selidik Pengajaran Berkesan Model Slavin (Shahril 2005) dengan pengubahsuaian dan penambahan konstruk metafizik. Soal selidik ini menggunakan skala Likert 4 tahap (4=sangat selalu, 3=selalu, 2=jarang-jarang, 1=tiada langsung). Soal selidik yang dibina telah ditentukan kesahan muka dan kesahan kandungan oleh enam orang pakar yang terdiri daripada pensyarah pedagogi bahasa Melayu, pensyarah Aniversiti Awam, Pegawai Pendidikan Daerah Larut Matang Selama (Unit Bahasa Melayu), dan tiga guru cemerlang.

Satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 15 orang guru sekolah rendah di sekitar negeri Kedah bagi menguji kebolehtadbiran instrumen, mendapatkan kesahan muka, dan menentukan indeks kebolehpercayaan. Secara keseluruhannya, nilai alpha Cronbach yang diperoleh bagi setiap konstruk adalah di antara julat indeks 0.877 hingga 0.885. Indeks kebolehpercayaan ini adalah tinggi dan boleh diterima pakai (Mohd. Majid 1990; Sekaran 1992; McMillan & Schumacher 2006).

Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan komputer. Program yang digunakan adalah 'Statistical Package for the Social Science' (SPSS) versi 20.00. Data berkaitan dengan latar belakang murid, tahap Amalan Terbaik Pengajaran (ATP) Bahasa Melayu oleh guru Bahasa Melayu dianalisis menggunakan statistik deskriptif, iaitu frekuensi, kekerapan, sisihan piawai dan min digunakan untuk analisis taburan. Tafsiran statistik deskriptif bagi nilai min yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini diadaptasi daripada kajian Nurfadzlina dan Mohammed Azmi (2012). Tafsiran deskriptif nilai min tersebut ditunjukkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1: Interpretasi jawapan berbentuk skala

Nilai min	Interpretasi Persepsi 1	Interpretasi Persepsi 2
3.00 – 4.00	Tinggi	Positif
2.00 – 2.99	Sederhana	Sederhana
1.00 – 1.99	Rendah	Negatif

Sebelum ujian tersebut dapat dijalankan, beberapa prasyarat ujian dipatuhi, iaitu dari aspek kenormalan taburan (Pallant, 2001). Dalam kajian ini, statistik pencongan (*skewness*) dan kurtosis (*kurtosis*) digunakan bagi menguji normaliti bagi taburan data.

Berdasarkan Jadual 2, statistik deskriptif *Skewness* menafsirkan taburan data kajian ialah antara -0.890 hingga 1.027 dan data analisis *Kurtosis* pula antara -1.355 hingga 1.241. Analisis deskriptif untuk kenormalan taburan data dilakukan dengan melihat nilai kepencongan *Skewness* dan *Kurtosis*. Menurut Ananda (2007), nilai kepencongan dan kurtosis perlu berada dalam julat di antara -2 dengan +2 dalam mematuhi andaian kenormalan taburan data. Oleh yang demikian, data bagi kajian ini adalah bertaburan normal.

JADUAL 2: Taburan normaliti data kajian

Statistik Deskriptif	Taburan Data
Skewness	-0.890 hingga 1.027
Kurtosis	-2.028 hingga 1.241

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Sampel

Jadual 3 menunjukkan taburan sampel mengikut jantina, umur, lokasi, pengalaman mengajar, dan kelulusan akademik guru. Daripada 80 orang sampel, 36 daripada adalah guru lelaki (45%), manakala 44 orang merupakan guru perempuan (55 %).

Dari aspek umur pula, majoriti sampel berumur antara 36 hingga 45 tahun (30 peratus), manakala sampel berumur 46 tahun ke atas (21.3 %) merupakan golongan sampel yang paling sedikit, namun taburan sampel mengikut umur masih seimbang.

Dari aspek lokasi kajian pula, 40 sampel (50%) mewakili masing-masing luar bandar dan

bandar. Begitu juga dengan bilangan sampel berdasarkan pengalaman mengajar. Dapatan mendapati 50% sampel berpengalaman mengajar lebih daripada lima tahun, manakala 50% lagi berpengalaman yang mengajar kurang dari lima tahun.

Dari aspek kelulusan sampel pula, dapatan menunjukkan bahawa majoriti guru atau sebanyak 82.5 peratus memiliki kelulusan akademik peringkat ijazah sarjana, diikuti dengan dengan kelulusan-kelulusan lain seperti diploma dan sarjana/Kedoktoran (masing-masing 6.3%), dan sijil (5%).

JADUAL 3: Taburan sampel mengikut jantina, umur, lokasi, pengalaman mengajar, dan kelulusan akademik guru

Butiran Sampel		Kekerapan	Peratus
• Jantina	Lelaki	36	45
	Perempuan	44	55
• Umur	21-25 Tahun	21	26.3
	26-35 Tahun	18	22.3
	36-45 Tahun	24	30.0
	46 Tahun Ke atas	17	21.3
• Lokasi	Bandar	40	50
	Luar Bandar	40	50
• Pengalaman Mengajar	Kurang 5 tahun	40	50
	Lebih 5 tahun	40	50
• Kelulusan Akademik	Sijil Perguruan	4	5
	Diploma Perguruan	5	6.3
	Ijazah Sarjana Muda	66	82.5
	Sarjana dan PhD	5	6.3
Jumlah		80	100%

Pelaksanaan Amalan Terbaik Pengajaran Berpusatkan Murid oleh Guru-Guru Bahasa Melayu Di Bilik Darjah

Jadual 5 adalah mengenai taburan peratus, min dan sisihan piawai bagi ATP Bahasa Melayu di bilik darjah. Data menunjukkan min keseluruhan bagi amalan terbaik pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah ialah 3.38 dan Sisihan piawai keseluruhan 0.604. Amalan "*Perancangan pembelajaran dan pengajaran (PdP) mengikut kebolehan murid*" mendapat min yang tertinggi, iaitu 3.70 dan nilai sisihan piawai ialah 0.461. Seramai 70% guru "sangat selalu" mengamalkan amalan ini. Manakala hanya seramai 30% guru "selalu" mengamalkan ATP ini. Dapatan analisis menunjukkan kosong peratus bagi "kadang-kadang" dan "tiada langsung" guru yang mengamalkan amalan ini.

Walau bagaimanapun, bagi amalan "*Penggunaan peta 'i-think' dalam PdP bantu bina kreativiti murid*" memperoleh min yang terendah, iaitu 2.51 dan nilai sisihan piawai ialah 0.675. Hanya seramai 6.1% orang guru yang "sangat selalu" mengamalkan amalan ini. 41.5% guru memilih "selalu" mengamalkan ATP ini. Sementara itu, seramai 46.3% orang guru "kadang-kadang" sahaja mengamalkan amalan ini. Terdapat seramai 3.7% orang guru "tidak langsung" mengamalkan amalan ini dalam pengajaran mereka.

Keseluruhannya, daripada 60 amalan yang dinyatakan hanya lima amalan sahaja yang menunjukkan dapatan skala tidak langsung tidak diamalkan oleh guru, iaitu "*Memberi pelbagai pilihan kepada murid dalam PdP*" peratusan tidak mengamalkan 2.4% dengan min 2.81, "*Memberi tugas yang kompleks untuk dihuraikan menggunakan kaedah sendiri*" peratusan tidak mengamalkan 2.4% dengan min 2.68, "*Menyediakan prosedur tanggungjawab kepada murid dalam aktiviti PdP*" peratusan tidak mengamalkan 3.7% dengan min 2.58, "*Susun PdP ikut aras kesukaran*" peratusan tidak mengamalkan 2.4% dengan min 3.15 dan "*Penggunaan peta 'i-think' dalam PdP bantu bina kreativiti murid*" peratusan tidak mengamalkan 3.7% dengan min 2.51. Kelima-lima amalan berada pada tahap tafsiran min sederhana.

Purata peratusan keseluruhan pilihan jawapan yang paling tinggi bagi 60 ATP tersebut adalah "selalu", iaitu sebanyak 51.02%, diikuti dengan pilihan jawapan "sangat selalu" sebanyak 34.15%, pilihan jawapan "kadang-kadang" 11.96% dan hanya 2.87% sahaja yang memilih jawapan "tidak langsung" mengamalkan 60 amalan tersebut. Min keseluruhan juga berada pada tahap tafsiran tinggi, iaitu 3.38 dan purata sisihan piawai keseluruhan 0.604. Ini menunjukkan bahawa daripada 80 sampel yang dipilih secara keseluruhannya mengamalkan ATP Bahasa Melayu di bilik darjah.

JADUAL 4: Taburan peratus, min dan sisihan piawai bagi ATP Bahasa Melayu sekolah rendah

No	Amalan	1 TL (%)	2 KK (%)	3 S (%)	4 SS (%)	Min	SP
1	Perancangan PdP mengutamakan penglibatan murid	0	0	30	70	3.70	0.461
2	Mereka bentuk PdP berdasarkan pengetahuan sedia ada murid	0	13.8	66.3	20.0	3.06	0.581
3	Galakkan murid susun sendiri pengetahuan	0	11.3	63.7	25.0	3.14	0.590
4	Beri peluang murid bercerita pengalaman	0	5.0	57.5	37.5	3.33	0.569
5	Aktiviti murid merasai situasi sebenar kehidupan	0	4.0	57.5	37.5	3.33	0.569
6	Menjalankan aktiviti main peranan	0	12.5	63.7	23.8	3.11	0.595
7	Pelaksanaan PdP mengikut perancangan	0	10.0	63.7	26.3	3.16	0.583
8	Teknik pengajaran berasaskan pengalaman menjadikan PdP lebih ceria	0	6.3	66.3	27.5	3.21	0.544
9	Menekankan aspek penghayatan nilai dalam PdP	0	0	55.0	45.0	3.45	0.501
10	Aktiviti menjawab soalan berdasarkan pengalaman sedia ada	0	15.0	47.5	37.5	3.23	0.693
11	Aktiviti berasaskan pengalaman bantu murid membuat keputusan	0	12.5	56.3	31.3	3.19	0.638
12	Kaedah perbincangan terbuka, membantu murid mendapat pengalaman bercakap di hadapan khalayak ramai.	0	16.3	52.5	31.3	3.15	0.677
13	Kemahiran menulis, pilih tajuk berkaitan pengalaman murid.	0	16.3	53.8	30.0	3.14	0.670
14	Memberikan ganjaran kepada murid, murid merasai pengalaman dihargai.	0	0	33.8	66.3	3.66	0.476
15	Beri peluang murid belajar secara individu, kumpulan dan kelas.	0	3.8	51.2	45.0	3.41	0.567
16	Memberi gambaran awal tentang topik yang bakal diajar	0	3.8	73.8	22.5	3.19	0.480
17	Menyampaikan fakta secara menyeluruh	0	6.3	50.0	43.8	3.38	0.603
18	Minta murid membaca keseluruhan teks sebelum membina pemahaman baru	0	5.0	53.8	41.3	3.36	0.579
19	Pengajaran secara keseluruhan bukan berfokus PdP yang menyeluruh sebelum memberikan aktiviti.	0	0	72.5	27.5	3.28	0.449
20	Interaksi yang menyeluruh dengan murid	0	7.5	53.8	38.8	3.31	0.608
21	Penglibatan murid menyeruluh melalui rundingan berasaskan kekuatan dan kelemahan murid.	0	2.5	46.3	51.2	3.49	0.551
22		0	0	45.1	52.4	3.54	0.502
23	Membuat rumusan keseluruhan pada akhir PdP	0	5.0	47.5	47.5	3.43	0.591
24	Penekanan elemen sosiobudaya	0	4.9	58.5	34.1	3.30	0.560
25	Penekanan elemen bernilai tambah (TMK, Inovasi, sains teknologi)	0	4.9	56.1	36.6	3.33	0.569
26	Menerapkan aspek JERIS dalam PdP	0	0	42.7	54.9	3.56	0.499
27	Kemahiran mentafsir dan menilai sebagai kaedah penilaian yang menyeluruh.	0	32.9	52.4	12.2	2.79	0.650
28	Minta murid membuat refleksi sendiri	0	28.0	48.8	20.7	2.93	0.650
29	PdP bersepadu menekankan konsep 5P	0	17.1	46.3	34.1	3.18	0.708
30	Menyelitkan ilmu-ilmu lain berkaitan hal-hal semasa dalam proses PdP	0	11.0	53.7	32.9	3.23	0.636
31	Beri tugasan yang relevan dengan dunia semasa	0	19.5	45.1	32.9	3.14	0.725
32	Beri peluang kepada murid untuk tentukan kaedah pembelajaran yang sesuai	0	11.0	63.4	23.2	3.13	0.582
33	Mewujudkan interaksi yang menyeronokkan	0	5.0	62.5	32.5	3.28	0.551
34	Memberikan masa yang cukup kepada murid untuk selesaikan masalah tanpa merasa tertekan	0	8.5	50.0	39.0	3.31	0.628
35	Menggunakan pelbagai BBM yang sebenar/autentik	0	12.2	58.5	26.8	3.15	0.618
36	BBM yang autentik membantu pemahaman murid	0	13.4	56.1	28.0	3.15	0.638
37	Mengaitkan persekitaran dengan aktiviti PdP	0	3.7	47.6	46.3	3.44	0.570
38	Mengenal pasti kebolehan murid untuk pilih kaedah pengajaran yang sesuai	0	6.1	61.0	30.5	3.25	0.563
39	Memberi peluang kepada murid berbincang masalah yang dihadapi	0	6.1	45.1	46.3	3.41	0.610
40	Memberi pelbagai pilihan kepada murid dalam PdP	2.4	29.3	50.0	15.9	2.81	0.731
41	Menggunakan kemudahan ICT untuk membantu murid memahami situasi sebenar.	0	18.3	51.2	28.0	3.10	0.686
42	Memberi tugasan yang kompleks untuk dihuraikan menggunakan kaedah sendiri	2.4	39.0	43.9	12.2	2.68	0.725
43	Memberi peluang untuk murid berkerjasama dalam menyelesaikan tugasan	0	2.4	48.8	46.3	3.45	0.549
44	Penggunaan BBM yang unik dan mencabar minda	0	4.9	75.6	17.1	3.13	0.460
45	Menyediakan prosedur tanggungjawab kepada murid dalam aktiviti PdP	3.7	42.7	42.7	8.5	2.58	0.708
46	Menyediakan persekitaran yang kondusif	0	0	30.5	67.1	3.69	0.466
47	Memberikan penilaian yang mencabar	0	4.9	56.1	36.6	3.33	0.569
48	Menggunakan contoh yang sukar untuk cetus perbincangan	0	23.2	41.5	32.9	3.10	0.756
49	Susun PdP ikut aras kesukaran	2.4	8.5	58.5	28.0	3.15	0.677
50	Meminta murid membina nota sendiri	0	17.1	65.9	14.6	2.98	0.573
51	Aktiviti PdP merangsang minda dan galakan KBKK	0	14.6	54.9	28.0	3.14	0.651

52	BBM yang menarik untuk tarik perhatian murid	0	28.0	39.0	30.5	3.03	0.779
53	Cabar murid untuk dapatkan maklumat tentang PdP dengan daya usaha sendiri	0	17.1	62.2	18.3	3.01	0.606
54	Merancang aktiviti untuk jana idea baru murid	0	0	30.5	67.1	3.69	0.466
55	Soalan terbuka dan soalan lanjutan untuk cabar kemahiran berfikir murid.	0	15.9	50.0	31.7	3.16	0.683
56	Penggunaan peta 'i-think' dalam PdP bantu bina kreativiti murid	3.7	46.3	41.5	6.1	2.51	0.675
57	Memasukkan elemen KBAT dalam PdP untuk cabar kemahiran berfikir murid	0	34.1	45.1	18.3	2.84	0.719
58	Memberi tugas yang mencabar untuk tingkatkan prestasi	0	7.3	47.6	42.7	3.36	0.621
59	Menjalankan aktiviti berbentuk pertandingan	0	3.7	41.5	52.4	3.50	0.574
60	Menilai tugas bersama-sama murid	0	19.5	41.5	36.6	3.18	0.742
Purata peratus keseluruhan		2.8	11.9	51.0	34.1		
Min keseluruhan		7	6	2	5	3.38	0.604

Tahap Pengamalan Amalan Terbaik Pengajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Prinsip Berpusat Murid Secara Keseluruhan

Dapatan ini akan membincangkan tahap ATP Bahasa Melayu oleh guru-guru Bahasa Melayu berdasarkan empat prinsip APT berpusatkan murid, iaitu pengajaran berasaskan pengalaman murid, holistik, autentik dan pengajaran berasaskan cabaran. sampel telah diminta menjawab 60 item yang sama dalam soal selidik untuk mengetahui tahap pengamalan ATP oleh guru-guru Bahasa Melayu di bilik darjah. Keputusan bagi penilaian setiap item ditunjukkan pada Jadual 5.

JADUAL 5: Tahap ATP Bahasa Melayu berdasarkan prinsip berpusat murid secara keseluruhan

Prinsip ATP Pengajaran Berpusatkan Murid	Min Skor	Sisihan Piawai	Tafsiran
1. Pengajaran Berasaskan Pengalaman Murid	3.28	0.254	Tinggi
2. Pengajaran yang Holistik	3.28	0.261	Tinggi
3. Pengajaran yang Autentik	3.13	0.308	Tinggi
4. Pengajaran yang Mencabar	3.17	0.254	Tinggi
Min Keseluruhan	3.21		Tinggi

Secara keseluruhannya, berdasarkan keempat-empat prinsip ATP, guru-guru mengamalkan setiap prinsip ATP berpusatkan

murid dengan sepenuhnya. Guru-guru telah menunjukkan tahap pengamalan yang tinggi bagi setiap prinsip ATP yang disenaraikan dalam soal selidik. Purata skor min ialah 3.2194 yang berada pada skala tafsiran min tinggi. Melalui analisis yang dilakukan, dua prinsip ATP berpusatkan murid yang mempunyai nilai skor min tertinggi, iaitu pengajaran berasaskan pengalaman murid dan pengajaran yang holistik, dengan skor min yang sama sebanyak 3.2842. Ini diikuti dengan pengajaran berasaskan cabaran dan pengajaran yang autentik dengan nilai min skor masing-masing 3.1767 dan 3.1325.

Oleh yang demikian, jelas menunjukkan bahawa tahap pengamalan prinsip ATP berpusatkan murid oleh guru-guru Bahasa Melayu berada pada tahap tafsiran tinggi dan diamalkan dengan sepenuhnya. Prinsip yang "sangat selalu" diamalkan adalah pengajaran berasaskan pengalaman murid dan pengajaran yang holistik. Prinsip ATP yang mendapat skor min terendah ialah prinsip pengajaran yang autentik. Walaupun begitu skor minnya masih berada pada tahap tafsiran tinggi.

Tahap Pengamalan Amalan Terbaik Pengajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Prinsip Pengajaran Berasaskan Pengalaman

Jadual 6 menunjukkan analisis min skor bagi tahap pengamalan prinsip pengajaran berasaskan pengalaman murid yang dijalankan di bilik darjah oleh guru-guru Bahasa Melayu.

JADUAL 6: Analisis prinsip pengajaran berasaskan pengalaman murid

Amalan Pengalaman Murid	Min Skor	Sisihan Piawai	Tafsiran
1. Rancangan PdP utamakan penglibatan murid	3.70	0.461	Tinggi
2. Reka bentuk PdP berdasarkan pengetahuan sedia ada murid	3.06	0.581	Tinggi
3. Galakan murid susun sendiri pengetahuan	3.14	0.590	Tinggi
4. Beri peluang murid bercerita pengalaman	3.33	0.569	Tinggi
5. Aktiviti murid merasai situasi sebenar kehidupan	3.33	0.569	Tinggi
6. Menjalankan aktiviti main peranan	3.11	0.595	Tinggi
7. Tugas yang memerlukan murid menyelesaikan	3.16	0.583	Tinggi

8.	Teknik pengajaran berasaskan pengalaman menjadikan PdP lebih ceria	3.21	0.544	Tinggi
9.	Penekanan Aspek penghayatan nilai yang bersesuaian	3.45	0.501	Tinggi
10.	Soalan berdasarkan pengalaman sedia ada murid	3.23	0.693	Tinggi
11.	Memberikan pengalaman yang sesuai untuk jana kebenaranian membuat keputusan	3.19	0.638	Tinggi
12.	Kaedah perbincangan terbuka beri pengalaman bercakap di khalayak ramai.	3.15	0.677	Tinggi
13.	Memilih tajuk PdP menulis yang ada kaitan dengan pengalaman murid	3.14	0.670	Tinggi
14.	Memberikan ganjaran untuk merasai pengalaman dihargai.	3.66	0.476	Tinggi
15.	Beri peluang belajar secara individu, kumpulan dan kelas	3.41	0.567	Tinggi
Min Keseluruhan		3.28		Tinggi

Berdasarkan analisis Jadual 6, purata keseluruhan skor min pengajaran berasaskan pengalaman murid ialah 3.29. Hasil dapatan daripada 15 amalan yang terdapat dalam prinsip pengajaran berasaskan pengalaman murid, amalan yang paling tinggi skor minnya 3.70, iaitu amalan “*Rancangan PdP utamakan penglibatan murid*”. Diikuti dengan amalan “*Memberikan ganjaran untuk merasai pengalaman dihargai*” skor min 3.66, amalan “*Penekanan Aspek penghayatan nilai yang bersesuaian*” skor min 3.45, amalan “*Beri peluang belajar secara individu, kumpulan dan kelas*” skor min 3.41, amalan “*Aktiviti murid merasai situasi sebenar kehidupan*” dan amalan “*Beri peluang murid bercerita pengalaman*” skor min yang sama 3.33.

Seterusnya, amalan “*Soalan berdasarkan pengalaman sedia ada murid*” skor min 3.23, amalan “*Teknik pengajaran berasaskan pengalaman menjadikan PdP lebih ceria*” skor min 3.21, amalan “*Memberikan pengalaman yang sesuai untuk jana keberanian membuat keputusan*” skor min 3.19, amalan “*Tugasan yang memerlukan murid menyelesaikan masalah sendiri*” skor min 3.16, amalan “*Kaedah perbincangan terbuka beri pengalaman bercakap di khalayak ramai*” skor min 3.15, amalan “*Memilih tajuk PdP menulis yang ada kaitan dengan pengalaman murid*” skor min 3.14, dan

amalan “*Menjalankan aktiviti main peranan*” skor min 3.11.

Amalan yang paling rendah skor minnya adalah amalan “*Reka bentuk PdP berdasarkan pengetahuan sedia ada murid*” dengan skor min 3.06. Walaupun terdapat perbezaan skor min antara setiap amalan namun ketujuh-tujuh amalan tersebut masih berada pada tahap tafsiran skor min tinggi. Ini menunjukkan bahawa pengajaran berasaskan pengalaman murid dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh guru-guru Bahasa Melayu di bilik darjah.

Tahap Pengamalan Amalan Terbaik Pengajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Prinsip Pengajaran Secara Holistik

Jadual 7 menunjukkan analisis min skor bagi tahap pengamalan prinsip pengajaran yang holistik oleh guru-guru Bahasa Melayu yang dijalankan di bilik darjah.

JADUAL 7: Tahap pengamalan ATP Bahasa Melayu berdasarkan prinsip pengajaran secara holistik

	Amalan Holistik	Min Skor	Sisihan Piawai	Tafsiran
1.	Memberi gambaran awal tentang topik yang bakal diajar	3.19	0.480	Tinggi
2.	Menyampaikan fakta secara menyeluruh	3.38	0.603	Tinggi
3.	Minta murid membaca keseluruhan teks sebelum membina pemahaman baharu	3.36	0.579	Tinggi
4.	Pengajaran secara keseluruhan bukan berfokus	3.28	0.449	Tinggi
5.	Pengajaran secara umum kepada fokus	3.31	0.608	Tinggi
6.	Interaksi yang menyeluruh dengan murid	3.49	0.551	Tinggi
7.	Rundingan secara menyeluruh berasaskan kekuatan dan kelemahan murid	3.54	0.502	Tinggi
8.	Membuat rumusan keseluruhan pada akhir PdP	3.43	0.591	Tinggi
9.	Menekan elemen sosiobudaya secara menyeluruh	3.30	0.560	Tinggi
10.	Mengamalkan elemen merentas kurikulum	3.33	0.569	Tinggi

11. Menerapkan aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan social	3.56	0.499	Tinggi
12. Kemahiran mentafsir dan menilai sebagai kaedah penilaian yang menyeluruh	2.79	0.650	Sederhana
13. Murid membuat refleksi pemikiran sendiri	2.93	0.708	Sederhana
14. Menjalankan PdP bersepadu berdasarkan DSKP	3.18	0.708	Tinggi
15. Menyelitkan ilmu-ilmu lain berkaitan hal-hal semasa	3.22	0.636	Tinggi
Min Keseluruhan	3.29		Tinggi

Berdasarkan Jadual 7, purata keseluruhan skor min pengajaran yang holistik ialah 3.29. Hasil dapatan daripada 15 amalan yang terdapat dalam prinsip pengajaran berasaskan pengalaman murid, amalan yang paling tinggi skor minnya 3.56, iaitu amalan “*Menerapkan aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial*”. Diikuti dengan amalan “*Rundingan secara menyeluruh berasaskan kekuatan dan kelemahan murid*” skor min 3.54, amalan “*Interaksi yang menyeluruh dengan murid*” skor min 3.49, amalan “*Membuat rumusan keseluruhan pada akhir PdP*” skor min 3.43, amalan “*Menyampaikan fakta secara menyeluruh*” skor min 3.38 dan amalan “*Minta murid membaca keseluruhan teks sebelum membina pemahaman baru*” skor min yang sama 3.36.

Seterusnya, amalan “*Mengamalkan elemen merentas kurikulum*” skor min 3.33, amalan “*Pengajaran secara umum kepada fokus*” skor min 3.31, amalan “*Menekan elemen sosiobudaya secara menyeluruh*” skor min 3.30, amalan “*Pengajaran secara keseluruhan bukan berfokus*” skor min 3.28, amalan “*Menyelitkan ilmu-ilmu lain berkaitan hal-hal semasa*” skor min 3.22, amalan “*Memberi gambaran awal tentang topik yang bakal diajar*” skor min 3.19, dan amalan “*Menjalankan PdP bersepadu berdasarkan DSKP*” skor min 3.18.

Terdapat dua amalan yang skor minnya berada pada aras tafsiran sederhana ialah amalan “*Murid membuat refleksi pemikiran sendiri*” dan amalan “*Kemahiran mentafsir dan menilai sebagai kaedah penilaian yang menyeluruh*” dengan skor min masing-masing 2.93 dan 2.79. Ini menunjukkan bahawa 13 daripada 15 amalan pengajaran yang holistik dilaksanakan dengan

sepenuhnya oleh guru-guru Bahasa Melayu di bilik darjah. Dua sahaja amalan kurang dilaksanakan di bilik darjah oleh guru-guru.

Tahap Pengamalan Amalan Terbaik Pengajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Prinsip Pengajaran yang Autentik

Jadual 8 menunjukkan analisis min skor bagi tahap pengamalan prinsip pengajaran yang autentik oleh guru Bahasa Melayu dijalankan di bilik darjah.

JADUAL 8: Tahap pengamalan ATP Bahasa Melayu berdasarkan prinsip pengajaran yang autentik

	Amalan Autentik	Min Skor	Sisihan Piawai	Tafsiran
1.	Beri tugas yang relevan dengan dunia semasa	3.14	0.725	Tinggi
2.	Beri peluang kepada murid untuk tentukan kaedah pembelajaran yang sesuai	3.13	0.582	Tinggi
3.	Mewujudkan interaksi yang menyeronokkan	3.28	0.551	Tinggi
4.	Memberikan masa yang cukup kepada murid untuk selesaikan masalah tanpa merasa tertekan	3.31	0.628	Tinggi
5.	Menggunakan pelbagai BBM yang sebenar/autentik	3.15	0.618	Tinggi
6.	BBM yang autentik membantu pemahaman murid	3.15	0.638	Tinggi
7.	Mengaitkan persekitaran dengan aktiviti PdP	3.44	0.570	Tinggi
8.	Mengenal pasti kebolehan murid untuk pilih kaedah pengajaran yang sesuai	3.25	0.563	Tinggi
9.	Memberi peluang murid berbincang dengan guru masalah yang dihadapi dalam PdP	3.41	0.610	Tinggi
10.	Beri pelbagai pilihan dalam proses PdP	2.81	0.731	Sederhana
11.	Menggunakan ICT untuk bantu murid memahami situasi	3.10	0.686	Tinggi
12.	Beri tugas yang kompleks untuk dihuraikan menggunakan kaedah sendiri	2.68	0.725	Sederhana
13.	Kaedah kerjasama untuk selesaikan tugas	3.45	0.549	Tinggi
14.	BBM yang unik dan mencabar minda	3.13	0.460	Tinggi
15.	Mewujudkan prosedur tanggungjawab kepada murid sepanjang PdP	2.57	0.708	Sederhana
	Min Keseluruhan	3.13		Tinggi

Berdasarkan analisis Jadual 8, purata keseluruhan skor min pengajaran yang autentik

ialah 3.13. Hasil dapatan daripada 15 amalan yang terdapat dalam prinsip pengajaran yang autentik amalan yang paling tinggi skor minnya 3.45, iaitu amalan “*Kaedah kerjasama untuk selesaikan tugas*”. Diikuti dengan amalan “*Mengaitkan persekitaran dengan aktiviti PdP*” skor min 3.44, amalan “*Memberi peluang murid berbincang dengan guru masalah yang dihadapi dalam PdP*” skor min 3.41, amalan “*Memberikan masa yang cukup kepada murid untuk selesaikan masalah tanpa merasa tertekan*” skor min 3.31, amalan “*Mewujudkan interaksi yang menyeronokkan*” skor min 3.28 dan amalan “*Mengenal pasti kebolehan murid untuk pilih kaedah pengajaran yang sesuai*” skor min 3.25.

Seterusnya, terdapat dua amalan yang mempunyai skor min yang sama 3.15, iaitu amalan “*BBM yang autentik membantu pemahaman murid*” dan amalan “*Menggunakan pelbagai BBM yang sebenar/autentik*”. Amalan “*Beri tugas yang relevan dengan dunia semasa*” skor min 3.14, amalan “*Beri peluang kepada murid untuk tentukan kaedah pembelajaran yang sesuai*” dan amalan “*BBM yang unik dan mencabar minda*” mempunyai skor min yang sama, iaitu 3.13, amalan “*Menggunakan ICT untuk bantu murid memahami situasi*” skor min 3.10.

Terdapat tiga amalan yang skor minnya berada pada aras tafsiran sederhana ialah amalan “*Beri pelbagai pilihan dalam proses PdP*”, amalan “*Beri tugas yang kompleks untuk dihuraikan menggunakan kaedah sendiri*” dan amalan “*Mewujudkan prosedur tanggungjawab kepada murid sepanjang PdP*” dengan skor min masing-masing 2.81, 2.63 dan 2.57. Ini menunjukkan bahawa 12 daripada 15 amalan pengajaran yang autentik dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh guru-guru Bahasa Melayu di bilik darjah. Tiga sahaja amalan kurang dilaksanakan di bilik darjah oleh guru-guru.

Tahap Pengamalan Amalan Terbaik Pengajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Prinsip Pengajaran yang Mencabar

Jadual 9 menunjukkan analisis min skor bagi tahap pengamalan prinsip pengajaran yang mencabar oleh guru-guru Bahasa Melayu yang di jalankan di bilik darjah.

JADUAL 9: Tahap pengamalan ATP Bahasa Melayu berdasarkan prinsip pengajaran yang mencabar

	Amalan Mencabar	Sisihan Piawai	Min Skor	Tafsiran
1.	Sediakan iklim yang kondusif	0.466	3.69	Tinggi
2.	Memberikan penilaian yang mencabar	0.569	3.32	Tinggi
3.	Menggunakan contoh yang sukar untuk cetus perbincangan	0.756	3.10	Tinggi
4.	Susun PdP ikut aras kesukaran	0.677	3.15	Tinggi
5.	Meminta murid membina nota sendiri	0.573	2.98	Sederhana
6.	Aktiviti PdP merangsang minda dan galakan KBKK	0.651	3.14	Tinggi
7.	Sediakan sumber akses untuk murid	0.779	3.03	Tinggi
8.	Cabar murid untuk dapatkan maklumat tentang PdP dengan daya usaha sendiri	0.606	3.01	Tinggi
9.	Objektif aktiviti PdP untuk jana idea murid	0.466	3.69	Tinggi
10.	Beri soalan terbuka dan lanjutan	0.683	3.16	Tinggi
11.	Penggunaan peta ‘i-think’	0.675	2.51	Sederhana
12.	Memasukkan elemen KBAT dalam PdP	0.719	2.84	Sederhana
13.	Tugasan yang mencabar untuk tingkatkan prestasi	0.621	3.36	Tinggi
14.	Aktiviti berbentuk pertandingan untuk wujud persaingan	0.574	3.50	Tinggi
15.	Penilaian tugas bersama-sama murid	0.742	3.17	Tinggi
Min Keseluruhan			3.18	Tinggi

Berdasarkan analisis Jadual 9, purata keseluruhan skor min pengajaran berasaskan pengalaman cabaran ialah 3.18. Hasil dapatan daripada 15 amalan yang terdapat dalam prinsip pengajaran berasaskan cabaran, terdapat dua amalan yang paling tinggi skor minnya, iaitu amalan “*Sediakan iklim yang kondusif*” dan amalan “*Objektif aktiviti PdP untuk jana idea murid*” dengan skor min 3.69. Diikuti dengan amalan “*Aktiviti berbentuk pertandingan untuk wujud persaingan*” skor min 3.50, amalan “*Tugasan yang mencabar untuk tingkatkan prestasi*” skor min 3.36, amalan “*Memberikan penilaian yang mencabar*” skor min 3.32, amalan “*Penilaian tugas bersama-sama murid*” skor min 3.17 dan amalan “*Beri soalan terbuka dan lanjutan*” skor min yang sama 3.16.

Seterusnya, amalan “Susun PdP ikut aras kesukaran” skor min 3.15, amalan “Aktiviti PdP merangsang minda dan galakan KBKK” skor min 3.14, amalan “Menggunakan contoh yang sukar untuk cetus perbahasan” skor min 3.10, amalan “Sediakan sumber akses untuk murid” skor min 3.03 dan amalan “Cabar murid untuk dapatkan maklumat tentang PdP dengan daya usaha sendiri” skor min 3.01.

Terdapat tiga amalan yang berada pada tahap tafsiran sederhana, iaitu “Meminta murid membina nota sendiri”, amalan “Memasukkan elemen KBAT dalam PdP” dan amalan “Penggunaan peta ‘i-think’” dengan skor min masing-masing ialah 2.98, 2.84 dan 2.51. Ini menunjukkan bahawa 12 daripada 15 amalan pengajaran berasaskan cabaran dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh guru-guru Bahasa Melayu di bilik darjah. Tiga sahaja amalan kurang dilaksanakan di bilik darjah oleh guru-guru

PERBINCANGAN

Tahap Pelaksanaan Amalan Terbaik Pengajaran Guru Di Bilik Darjah secara Keseluruhan

Dapatan kajian pertama dan kedua menunjukkan bahawa 97.13% daripada sampel kajian (skor min, 3.22) daripada sampel kajian mengamalkan amalan terbaik pengajaran berpusatkan murid. Hasil dapatan jelas menunjukkan bahawa guru-guru di daerah Larut, Matang, dan Selama berjaya mengamalkan ATP berpusatkan murid berdasarkan prinsip Zemelman (2012) dan selaras dengan kehendak KPM seperti yang termaktub dalam Dokumen Standard Kurikulum Sekolah Rendah (KPM 2010). Sebagaimana yang diketahui, kurikulum ini memberi penekanan pada standard kandungan dan standard pembelajaran yang perlu diketahui dan dilakukan oleh murid di bilik darjah. Hal ini bermakna guru-guru perlu memberi peluang kepada murid melakukan sendiri aktiviti pembelajaran di bilik darjah sejajar dengan prinsip pengajaran berpusatkan murid.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa guru-guru setuju dengan pendapat yang mengatakan pengajaran berasaskan pengalaman sangat berkesan dalam meningkatkan proses PdP Bahasa Melayu di bilik darjah. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Zulkifli (2019a), Zulkifli (2019b) dan Sharifah dan Aliza (2011) yang turut

mendapati bahawa pembelajaran berasaskan pengalaman dan autentik lebih berkesan berbanding dengan strategi pengajaran yang lain dalam meningkatkan kemahiran bahasa murid.

Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa amalan “merancang proses PdP hendaklah mengutamakan penglibatan murid” mendapat min paling tinggi, iaitu 3.70. Dapatan ini menunjukkan bahawa dalam merancang aktiviti PdP di bilik darjah, penglibatan maksimum dalam kalangan murid hendaklah diberi keutamaan. Kajian ini sejajar dengan kajian Abdullah (2004), Shahabudin, Rohizani dan Mohd Zohir (2007), Hamdan (2004) yang menyatakan bahawa sebarang suasana pembelajaran yang efektif hendaklah memberi tumpuan kepada penglibatan murid yang maksimum.

Kesimpulannya, ATP berpusatkan murid merupakan satu amalan penting yang wajib dilaksanakan oleh guru-guru kerana hal ini selaras dengan kehendak kurikulum pendidikan Bahasa Melayu sekolah rendah. Selain itu, guru juga digalakkan menggunakan pelbagai teknik pengajaran dan sumber pembelajaran. Guru turut digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid.

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini menunjukkan Model Amalan Terbaik Pengajaran (ATP) Zemelman (2012) telah digunakan oleh kebanyakan guru-guru yang dikaji di beberapa sekolah rendah di Daerah Larut, Matang dan Selama, Perak. Aspek yang paling selalu diamalkan ialah pengajaran berasaskan pengalaman murid. Aspek ATP yang paling kurang diamalkan ialah pengajaran yang autentik. Hal ini berlaku kerana kekangan masa guru untuk mencari bahan pengajaran yang autentik atau sebenar sebagai bahan pengajaran. Walau bagaimanapun, keempat-empat aspek masih berada pada min tafsiran yang tinggi. Oleh itu, ATP perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti pengajaran guru dan peningkatan prestasi murid di bilik darjah.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, ATP berpusatkan murid merupakan satu amalan penting yang wajib

dilaksanakan oleh guru-guru. Ini selaras dengan kehendak pihak kementerian yang termaktub dalam Dokumen Standard Kurikulum Sekolah Rendah (KPM 2010), menyarankan strategi PdP yang merangkumi pendekatan berpusatkan murid, serta kepelbagaian teknik dan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharapkan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan PdP yang berkesan.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2011) Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 1-12.
- Abdullah Hassan. (2004). Language planning in Malaysia: The first hundred years. *English Today*, 84. 3-12.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2008). *Bakat dan kemahiran memimpin*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Ananda Kumar, P. (2007). *SPSS untuk penyelidikan pendidikan*. Selangor: Scholar Press.
- Creswell, J.W. (2005). *Educational research: Planing, conducting and evaluating qualitative and quantitative app*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.
- Fraenkel, J.R. & Wallen, N.E. (2006). *How to design and evaluate research in education*. America Management Assosiation.
- Hamdan Noor. (2004). Student centered learning at the Faculty of Medicine and Health Sciences UPM. *Bengkel SCL anjuran Fakulti Ekologi Manusia*.
- Juriah Long. (2010). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu* (Pnyt.). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2009). *Standard guru Malaysia*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Buku panduan amalan baik pengajaran Moral*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Buku panduan pengajaran Bahasa Arab*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Dokumen standard kurikulum sekolah rendah Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Khoo Yin Yin. (2008). Keberkesanan kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif dalam kalangan pelajar ekonomi tingkatan enam. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya..
- Layang Ugek & Jamaludin Badusah. (2018). Amalan dan masalah pengajaran literasi bahasa guru Bahasa Melayu ketika mengajar murid Penan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8 (2): 25-38.
- McMillan & Schumacher. (2006). *Research in education: Evidence-based inquiry*. Boston: Pearson/Allyn and Bacon.
- Mohd Majid Konting. (2009). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nurfadzlina & Mohammed Azmi (2012). Keberkesanan Kursus Sijil Kecekapan Kemahiran: Scaffolding Training -Working At Height Practice. *Seminar Penyelidikan dan Inovasi 2012*, Giatmara Bandar Kuching.
- Osman, Z, Sarudin, A, Janan, D., & Omar, A. (2019a). The teaching of Malay essay writing based on an authentic Approach. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering*, 8 (7S2): 175-181.
- Osman, Z., Sarudin, A., Abdul, A. H., & Ayob, R. (2019b). Teachers' understanding and the level of implementation of authentic elements in the teaching of Malay Language writing and their relationships with school type, teachers' experience, and specialization. *International Journal Academic Research Business and Social Sciences*, 9 (1): 1245-1256.
- Pallant J, (2001). *SPSS Survival guide. A step by step guide to data analysis using SPSS*. NSW, Australia: Allen&Unwin.
- Sekaran, Uma.(1992). *Research methods for business: A Skill building approach* (2nd. Ed.), John Willey & Sons, Inc. New York.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd Zohir Ahmad. (2007). *Pedagogi: Strategi dan*

- teknik mengajar dengan berkesan*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Shahril @ Charil Haji Marzuki. (2004). Amalan pengajaran guru yang berkesan: Kajian di beberapa sekolah menengah di Wilayah Persekutuan dan Selangor. *Jurnal Pendidikan*, 24: 1-14
- Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali. (2011). Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (2): 1-15.
- Wan Nurzuliana Wan Ahmad. (2019). Amalan guru dalam melaksanakan kemahiran literasi Bahasa Melayu bagi Program Linus di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9 (1): 1-11.
- Zemelman, S., Daniels, H. & Hyde, A. (2012). *Best practice bringing standard to life in America's Classroom*. Ansterdam: Hanover Street Heinem.
- Zulkifli Osman. 2013. Belajar bahasa secara holistik: Apakah pandangan murid? *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 13 (2): 102-117.